



MELENGKAPKAN CARTA PAI DAN MENTAFSIR DATA



1

Lihat perkaitan kedua-dua gambar rajah dengan carta pai ini. $\frac{1}{8}$ dan 45° mewakili setem bunga dan juga tumbuhan. Cuba kamu terangkan pula.

SELASA

KOLEKSI SETEM

11 OKTOBER 2022



$\frac{1}{2}$ mempunyai nilai sudut 180° dan mewakili 20 setem serangga.

Setem burung diwakili $\frac{1}{4}$ atau 90° .

Nyatakan bilangan setem bunga. Berikan sebab.



NOTA GURU

- Bimbing murid mengaitkan pecahan dengan sudut untuk mewakilkan data dalam carta pai.

2

Warna	Bilangan guli
Merah	8
Biru	2
Hijau	4
Kuning	2

Warna Guli



Wakikan data bilangan guli pada carta pai berpandukan nilai sudut yang diberikan.



Jumlah guli 16 biji.
16 biji guli mewakili
satu bulatan.

Warna	Bilangan guli	Pecahan
Merah	8	$\frac{8}{16} = \frac{1}{2}$
Biru	2	$\frac{2}{16} = \frac{1}{8}$
Hijau	4	$\frac{4}{16} = \frac{1}{4}$
Kuning	2	$\frac{2}{16} = \frac{1}{8}$
Jumlah	16	$\frac{16}{16} = 1$

Kita bahagikan bulatan
kepada 8 bahagian sama
besar. Cari bilangan guli
untuk satu bahagian.

$$16 \div 8 = 2$$



Warna Guli



- Pecahan guli merah ialah dan diwakili 180° .
- Pecahan guli biru ialah dan diwakili .
- Pecahan guli hijau ialah dan diwakili .
- Mod ialah dengan bilangan guli paling banyak, iaitu .

NOTA GURU

- Imbas kembali maksud perkataan mod. Galakkan murid mentafsir data berkaitan julat, median dan min daripada data carta pai yang sesuai.

- 3 Carta pai dan jadual yang tidak lengkap menunjukkan data perisa donat kegemaran 24 orang murid.


Perisa Donat Kegemaran



Perisa	Bilangan donat
Coklat	
Strawberi	12
Vanila	6
Kacang	


- a Lengkapkan carta pai.

24 orang murid mewakili satu bulatan.



Bahagian yang mewakili donat coklat dan kacang sama nilai sudutnya. 45° ialah separuh daripada 90° atau 6 biji donat. Separuh daripada 6 biji donat ialah 3 biji donat.

Perisa Donat Kegemaran



- b Lengkapkan ayat di bawah berdasarkan carta pai.


- 45° mewakili donat kacang dan bilangannya ialah .
- 90° mewakili donat dan bilangannya ialah .
- Donat kacang dan diwakili sudut kerana bilangannya adalah sama.
- Bilangan donat yang paling digemari ialah dan diwakili sudut .
- Bilangan murid yang suka donat adalah separuh daripada bilangan murid yang suka donat .

NOTA GURU


- Sediakan bulatan dengan sudut-sudut 45°, 90° dan 180° untuk aktiviti melengkapkan carta pai dan mentafsir maklumatnya.

Sukan	Bilangan murid	Nilai sudut
Hoki	5	45°
Bola sepak	20	
Badminton	10	
Pingpong	5	45°

SUKAN YANG DIMINATI



SUKAN YANG DIMINATI



Siapakah yang melengkapkan carta pai dengan betul?
Tulis tiga maklumat daripada carta pai yang betul.



Carta pai menunjukkan bilangan murid yang mendapat gred A, B, C dan D dalam ujian matematik. Berapakah jumlah murid yang mengambil ujian matematik? Terangkan.

Pencapaian Gred Ujian Matematik



NOTA GURU

- Ingatkan murid, dalam carta pai, bahagian yang besar mewakili sudut yang paling besar dan bilangan data yang paling banyak.



PROJEK RIA

- Alat/Bahan** Kad carta pai dan kad data.
- Peserta** 2 orang murid dalam satu kumpulan.
- Tugasan**



- ① Setiap kumpulan murid mengambil satu kad carta pai dan satu kad data.



Buah	Bilangan buah-buahan
Epal	8
Kiwi	16
Manggis	8
Oren	32

- ② Lengkapkan data dan sudut pada kad carta pai.



- ③ Tulis tiga maklumat daripada carta pai yang dihasilkan.

Maklumat daripada carta pai

1. Buah yang paling digemari ialah buah oren.
2. Beza antara bilangan manggis dengan kiwi ialah 8 biji.
3. Pecahan buah epal daripada jumlah buah-buahan ialah $\frac{1}{8}$.

- ④ Bentangkan hasil kerja.


NOTA GURU

- Imbas kod QR untuk mencetak kad carta pai dan kad data bagi aktiviti Projek Ria.




- 1 Lengkapkan carta pai dengan melabelkan maklumat berpandukan jadual yang diberi.

Haiwan Vertebrata



Haiwan vertebrata	Bilangan haiwan
Reptilia	6
Mamalia	12
Burung	24
Ikan	6

- 2 Bilangan Peserta Olahraga Empat Buah Sekolah



- a Lengkapkan bilangan peserta dalam carta pai jika bilangan peserta dari sekolah P ialah 3 orang.
 b Nyatakan bilangan peserta sekolah Q, R dan S.
 c Nyatakan sudut yang diwakili oleh bilangan peserta yang paling sedikit.
 d Hitung beza antara bilangan peserta olahraga sekolah S dengan sekolah P.

- 3 Jadual menunjukkan makanan kegemaran 64 orang kanak-kanak.

Makanan Kegemaran



Makanan kegemaran	Bilangan kanak-kanak
Nasi lemak	32
Mi goreng	8
Nasi goreng	16
Lontong	8

- a Lengkapkan carta pai. b Tulis tiga maklumat daripada carta pai.



KEBOLEHJADIAN

1

Zakri, bacakan kad peristiwa kamu.
Boleh nyatakan peristiwa itu mungkin
atau tidak mungkin berlaku?

RABU

KEBOLEHJADIAN

26 OKTOBER 2022

- kemungkinan suatu peristiwa berlaku
- peristiwa mungkin berlaku
- peristiwa tidak mungkin berlaku juga
- ada lima kebolehhjadian suatu peristiwa

tidak mungkin
berlaku

mungkin berlaku

mustahil

kecil
kemungkinan

sama
kemungkinan

besar
kemungkinan

pasti

Penyu memanjat pokok. Peristiwa ini tidak mungkin berlaku, cikgu.

Hahaha ... mustahil penyu memanjat pokok, cikgu!

Peristiwa **penyu memanjat pokok** tidak mungkin berlaku. Kebolehhjadian penyu memanjat pokok ialah **mustahil** kerana penyu tidak boleh memanjat pokok.



NOTA GURU

- Jelaskan peristiwa ialah sesuatu kejadian yang benar-benar berlaku dan kebolehhjadian ialah kemungkinan peristiwa berlaku ataupun tidak berlaku.

Saya memerlukan warna hijau tua.

Warna hijau tua mungkin berlaku apabila kamu lebihkan isi padu warna biru.

Baiklah, cikgu. Saya akan mencampurkan warna biru melebihi warna kuning.

Peristiwa

Warna hijau tua akan terhasil apabila warna biru dicampurkan melebihi warna kuning.

Sebab

Warna hijau dihasilkan daripada campuran warna biru dan kuning.

peristiwa mungkin berlaku

Peristiwa

Anak itik menetas daripada telur ayam.

Sebab

Anak ayam menetas daripada telur ayam.

peristiwa tidak mungkin berlaku

Berikan contoh peristiwa lain seperti **a** dan **b** serta nyatakan sebabnya.



NOTA GURU

- Rangsang pemikiran murid untuk menentukan peristiwa yang mungkin berlaku atau tidak mungkin berlaku dengan mengemukakan beberapa contoh peristiwa. Minta murid memberikan sebabnya.

3

Pucuk pokok ini **mungkin** akan keluar melalui salah satu lubang untuk mendapatkan cahaya matahari.

Ya, betul Chua. Pokok ini juga **tidak mungkin** boleh hidup jika tidak disiram air.

Adakah pokok itu boleh membesar sehingga tinggi bekas? Nyatakan peristiwa ini mungkin atau tidak mungkin berlaku. Berikan sebab.



4

Mungkin golek bola saya kali ini akan menjatuhkan kedua-dua pin itu.

Saya rasa **tidak mungkin** kedua-dua pin akan jatuh.

NOTA GURU

- Jalankan aktiviti PAK-21, Fikir-Pasang-Kongsi (*Think-Pair-Share*) untuk menyatakan peristiwa yang mungkin berlaku dan peristiwa yang tidak mungkin berlaku serta menyatakan sebabnya.

PASTI ATAU MUSTAHIL

1

Adakah kutub magnet yang berlainan akan menarik antara satu sama lain?

Lihat ini, Kugan. Kutub magnet yang berlainan akan menarik antara satu sama lain.

Kebolehjadian kutub magnet yang berlainan menarik antara satu sama lain ialah **pasti**.

Ini disebabkan kutub magnet yang berlainan akan membentuk daya tarikan antara satu sama lain.

Dua kutub magnet yang sama akan menarik juga. Apakah kebolehjadian peristiwa yang disebutkan?



2

a September ada 30 hari. Kebolehjadian peristiwa: **pasti** / mustahil
Sebab: _____

b

Oktober selepas November. Kebolehjadian peristiwa: **pasti** / **mustahil**
Sebab: _____

SEPTEMBER 2022

ATA	SEN	SEL	RAB	KHA	JUM	SAB
				1	2	3
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	

OKTOBER 2022

ATA	SEN	SEL	RAB	KHA	JUM	SAB
					1	
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29
30	31					

Bolehkah kamu memberikan sebab bagi peristiwa **a** dan **b**?



NOTA GURU

- Berbincang dengan murid tentang pelbagai peristiwa yang pasti atau mustahil berlaku. Minta murid memberikan sebab yang munasabah.

SAMA KEMUNGKINAN

Putar roda untuk
dapatkan nombor
soalan.

31 OKTOBER 2022

KUIZ MATEMATIK 6 INOVATIF



Apakah kebolehjadian roda
nombor berhenti pada nombor
genap selepas diputar?

Nombor genap dan nombor ganjil
sama banyak. Kebolehjadian roda
nombor berhenti pada nombor genap
ialah sama kemungkinan.

BESAR KEMUNGKINAN ATAU KECIL KEMUNGKINAN

- 1 Berpandukan situasi, nyatakan kebolehjadian semua pakaian akan kering. Apakah sebabnya?

Cuaca hari ini panas
dan berangin.



Besar kemungkinan semua pakaian akan kering. Cuaca panas dan berangin menyebabkan penyejatan air pada pakaian yang dijemur untuk mengeringkannya.

NOTA GURU

- Jalankan kuiz cepat jawab dengan memberikan sebab yang munasabah secara individu tentang peristiwa lain yang mempunyai kebolehjadian pasti, mustahil, sama kemungkinan dan besar kemungkinan.

2

Apakah kebolehjadian Alicia mendapat bola kuning?



Kecil kemungkinan kerana hanya ada sebiji bola kuning. Bola biru pula lebih banyak.



Peristiwa	Kebolehjadian	Sebab
Dapat bola kuning	Kecil kemungkinan	Hanya ada sebiji bola kuning.
Dapat bola biru	Besar kemungkinan	
Dapat bola hijau		

Lengkapkan jadual di sebelah.



Jackie melambung sebiji dadu. Apakah kebolehjadian Jackie mendapat nombor perdana?



PROJEK RIA

AKTIVITI BERKUMPULAN

Alat/Bahan Jadual kebolehjadian, kad peristiwa, gunting dan gam.

Peserta 2 orang murid dalam satu kumpulan.

Tugasan

1. Guntingkan kad peristiwa.
2. Tampalkan kad peristiwa dalam jadual kebolehjadian.
3. Tulis sebab yang munasabah bagi setiap kebolehjadian peristiwa.
4. Bentangkan hasil kerja di hadapan kelas.
5. Semak jawapan dengan kumpulan lain untuk penambahbaikan.
6. Pamerkan hasil kerja di sudut matematik.



NOTA GURU

- Imbas kod QR untuk mencetak bahan aktiviti Projek Ria. Bahan boleh diubah suai dengan menambah bilangan kad-kad peristiwa atau setiap kumpulan mendapat kad peristiwa yang berbeza.



CANTIK MINDA

- 1 Nyatakan peristiwa yang berikut sama ada mungkin berlaku atau tidak mungkin berlaku dan berikan alasan.
- a Hari Malaysia disambut pada bulan Mei.
 - b Masyarakat Sarawak meraikan Hari Gawai.
 - c Satu nombor ganjil berada di antara dua nombor genap.
 - d Tahun lompat berlaku setiap lima tahun.
 - e Air terjun mengalir dari tempat yang rendah ke tempat yang tinggi.
 - f Nilai digit puluh ribu lebih daripada nilai digit ratus tetapi kurang daripada nilai digit juta.
 - g Tumbuhan memerlukan udara untuk bernafas.
 - h Layang-layang boleh terbang tinggi.
- 2 Nyatakan kebolehjadian bagi setiap peristiwa berikut. Berikan sebab yang munasabah.

No.	Peristiwa	Kebolehjadian	Sebab
a	Tahun 2021 ialah tahun lompat.	☐	☐
b	Seminggu ada tujuh hari.	☐	☐
c	Sekeping duit syiling yang dilambung akan mendapat gambar bunga.	☐	☐
d	Oktagon sekata ada lapan sudut yang sama besar.	☐	☐
e	Sebiji dadu yang dilambung akan mendapat nombor kurang daripada enam.	☐	☐
f	Seorang murid perempuan dipilih sebagai pengawas daripada 2 orang murid perempuan dan 8 orang murid lelaki di sebuah kelas.	☐	☐
g	Hujan yang lebat akan menyebabkan banjir di kawasan yang mempunyai masalah saliran.	☐	☐
h	Sebiji dadu yang dilambung akan mendapat nombor genap.	☐	☐
i	Terdapat 28 hari dalam bulan Mac.	☐	☐
j	Sebiji guli hijau diambil secara rawak daripada bekas yang berisi sebiji guli hijau dan 5 biji guli biru.	☐	☐

- 3 Tulis satu peristiwa bagi setiap kebolehjadian. Nyatakan sebabnya.
- a pasti
 - b mustahil
 - c kecil kemungkinan
 - d besar kemungkinan
 - e sama kemungkinan



SELESAIKAN MASALAH

Kebolehdjian Nik Syafiq mengambil bola pingpong putih ialah besar kemungkinan.

Situasi menunjukkan Nik Syafiq hendak mengambil sebiji bola pingpong. Asha menyatakan besar kemungkinan Nik Syafiq mengambil bola pingpong putih. Adakah dia berkata benar? Buktikan.

Penyelesaian

Diberi

- Ada 10 biji bola pingpong putih.
- Ada 3 biji bola pingpong jingga.
- Nik Syafiq hendak mengambil sebiji bola pingpong.
- Asha menyatakan besar kemungkinan Nik Syafiq mengambil bola pingpong putih.

Dicari

Buktikan Asha berkata benar.

Selesaikan

Buat simulasi.

Semak

Warna bola pingpong yang diambil	Putih	Jingga
Cubaan 1	✓	
Cubaan 2		✓
Cubaan 3	✓	
Cubaan 4	✓	
Cubaan 5	✓	

Warna bola pingpong	Warna bola pingpong yang mungkin diambil	Ramalan
Jingga dan putih	Jingga atau putih	Besar kemungkinan bola pingpong putih akan diambil kerana bilangan bola itu lebih banyak.

Asha berkata benar kerana bilangan bola pingpong putih lebih banyak daripada bilangan bola pingpong jingga.

NOTA GURU

- Buat simulasi dengan menggunakan objek lain seperti pen biru dengan pen merah atau cip dua warna untuk memantapkan pemahaman murid.

- 2 Carta pai menunjukkan makanan yang dibeli oleh sekumpulan murid pada waktu rehat. 12 orang murid membeli nasi lemak.

- a) Apakah nilai sudut yang mewakili bahagian terbesar?
b) Berapakah jumlah murid yang membeli makanan pada waktu itu?

Makanan yang Dibeli di Kantin SK Seri Murni



Penyelesaian

Fahami soalan

- Nilai sudut bagi mi kari 45° .
- Nilai sudut bagi mi sup 45° .
- 12 orang murid membeli nasi lemak.
- Cari nilai sudut yang mewakili bahagian terbesar.
- Jumlahkan murid pada waktu itu.

Fikir cara dan Selesaikan

- a) Bahagian terbesar ialah nasi goreng, iaitu separuh bulatan.
Nilai sudut bagi suku bulatan ialah
 $45^\circ + 45^\circ = 90^\circ$.
Dua suku bulatan membentuk separuh bulatan.
Jadi, nilai sudut bagi separuh bulatan ialah
 $90^\circ + 90^\circ = 180^\circ$.

Nilai sudut yang mewakili bahagian terbesar ialah 180° .

- b) 12 orang diwakili suku bahagian.




Jumlah murid

$$\begin{array}{r} 12 \text{ orang} \\ 12 \text{ orang} \\ 12 \text{ orang} \\ + 12 \text{ orang} \\ \hline 48 \text{ orang} \end{array}$$

Semak

a



- b) $4 \times 12 \text{ orang} = 48 \text{ orang}$

Jumlah murid yang membeli makanan pada waktu itu ialah 48 orang.

NOTA GURU

- Ingatkan murid nilai sudut bagi satu putaran lengkap bulatan ialah 360° .
- Pelbagaikan soalan dengan mengubah suai maklumat nilai sudut dan kuantiti. Pastikan nilai sudut hanya melibatkan 45° , 90° dan 180° .

- 3 Carta pai menunjukkan empat jenis buah-buahan yang telah dijual. Jisim rambutan yang telah dijual ialah 30 kg. Lengkapkan nilai sudut dan jisim pada carta pai jika jisim langsung dan manggis yang telah dijual adalah sama banyak.


Penyelesaian

- Jisim rambutan 30 kg dan nilai sudutnya 90° .
- Jisim langsung sama banyak dengan jisim manggis.
- Jisim manggis ialah separuh daripada jisim rambutan.
- Jisim manggis ialah dua kali daripada jisim langsung.

Lengkapkan jisim dan nilai sudut pada carta pai.

Buah	Jisim	Nilai sudut
Rambutan	30 kg	90°
Langsat	$\frac{1}{2} \times 30 \text{ kg} = 15 \text{ kg}$	$\frac{1}{2} \times 90^\circ = 45^\circ$
Manggis	15 kg	45°
Mangga	$2 \times 30 \text{ kg} = 60 \text{ kg}$	$2 \times 90^\circ = 180^\circ$

Buah-buahan yang telah Dijual



Buah-buahan yang telah Dijual



Petunjuk:

- Rambutan
- Manggis
- Langsung
- Mangga




GELIK MINDA

Selesaikan masalah.

- a Carta pai menunjukkan empat jenis kuih yang telah dijual. 24 biji karipap telah dijual. Nyatakan bilangan donat dan keria yang telah dijual.
- b Pemain A telah memenangi empat daripada lima perlawanan menentang pemain B. Apakah kebolehjadian pemain B memenangi perlawanan keenam? Berikan sebab.

Empat Jenis Kuih yang Dijual





UJI MINDA

1. Kenal pasti peristiwa yang mungkin atau tidak mungkin berlaku. Berikan sebab.

Oktober ada 31 hari.

Harimau Malaya pupus.

Matahari terbit di Selatan.

Ayam jantan bertelur.

Jalan raya berlubang.

Anak pokok membesar.

2. Lengkapkan jadual.


No.	Peristiwa	Kebolehjadian	Sebab
a	Ikan paus menyusui anaknya.	☐	☐
b	Heptagon mempunyai sembilan sisi.	☐	☐
c	Cuaca mendung dan hujan akan turun sebentar lagi.	☐	☐
d	Engkili atau Damit akan dipilih menjadi ketua kelas Tahun 6 Galaksi.	☐	☐
e	Sebatang pen merah diambil secara rawak daripada bekas yang berisi 1 batang pen merah dan 7 batang pensel.	☐	☐

3. Selesaikan masalah.

- a. Carta pai menunjukkan bilangan peserta pertandingan e-kviz matematik. Bilangan peserta dari Perlis ialah 10 orang.

- i. Kira bilangan peserta dari Johor.
- ii. Berapakah bilangan peserta dari Melaka?
- iii. Hitung bilangan peserta lelaki jika bilangan peserta perempuan ialah suku daripada jumlah peserta.

Pertandingan e-Kviz Matematik



- b. Terdapat 8 butang hitam dan 2 butang biru di dalam sebuah bekas. Wafiq diminta oleh rakannya untuk mengambil sebiji butang secara rawak.

- i. Nyatakan kebolehjadian Wafiq mengambil butang biru.
- ii. Nyatakan kebolehjadian Wafiq mengambil butang hitam.
- iii. Apakah yang perlu dilakukan supaya kebolehjadian Wafiq mengambil butang biru ialah sama kemungkinan?



KEMBARA MATEMATIK

Alat/Bahan

Gelang getah, kayu 15 cm (dipancangkan), botol berisi air minuman (penuh), bola tenis dan jadual permainan.

Peserta

2 orang murid.

Peraturan permainan A: Pancang kayu

- Pancangkan kayu.
- Berdiri 1 meter dari tempat kayu dipancangkan.
- Lontar gelang getah masuk ke pancang kayu.



Peraturan permainan B: Boling botol

- Letak botol minuman sejauh 2 meter dari kamu.
- Baling bola tenis ke arah botol minuman.



Cara bermain

- Jalankan setiap permainan secara bergilir-gilir.
- Setiap murid akan melakukan kedua-dua permainan sekali dan melontar atau membuat balingan sehingga lima kali.
- Catat keputusan balingan dan lontaran secara individu ke dalam jadual setiap permainan.
- Lengkapkan jadual permainan.
- Tampalkan jadual permainan dalam buku tulis.



Nama: _____

Permainan A: Pancang kayu

Lontaran	Kemungkinan masuk atau keluar
Lontaran 1	
Lontaran 2	
Lontaran 3	
Lontaran 4	
Lontaran 5	

Kebolehdadian lontaran gelang getah kamu akan masuk ke pancang kayu ialah

Nama: _____

Permainan B: Boling botol

Balingan	Kemungkinan jatuh atau tidak jatuh
Balingan 1	
Balingan 2	
Balingan 3	
Balingan 4	
Balingan 5	

Kebolehdadian balingan kamu akan menjatuhkan botol minuman ialah

NOTA GURU

- Imbas kod QR untuk mendapatkan jadual permainan.



UJI DIRI

A. Pilih jawapan yang betul.

1.

7:00 a.m.

2:00 p.m.

London, Jumaat
25 November 2022

Kuala Lumpur, Jumaat
25 November 2022

Teliti waktu tempatan di kedua-dua bandar di atas. Apakah waktu di London apabila waktu di Kuala Lumpur pukul 5:00 p.m.?

- A. 6:00 p.m. B. 8:00 p.m.
C. 10:00 a.m. D. 8:00 a.m.

2.

Ipoh, Malaysia
30 Ogos 2022
Jam 2345

Tokyo, Jepun
31 Ogos 2022
Jam 0045

Bandingkan masa di Tokyo dengan Ipoh berpandukan maklumat di atas.

- A. Awal 1 jam dari Ipoh.
B. Lewat 1 jam dari Ipoh.
C. Awal 2 jam dari Ipoh.
D. Lewat 2 jam dari Ipoh.

3.

Menara Kuala Lumpur,
8 September 2022
6:00 p.m.

Waktu Riyadh lewat 5 jam dari waktu yang ditunjukkan di atas. Nyatakan waktu di Riyadh.


- A. 1:00 a.m. B. 11:00 a.m.
C. 1:00 p.m. D. 11:00 p.m.

4.

Yang manakah poligon sekata dengan setiap sudut pedalaman bernilai 120° ?

- A.  B.  C.  D. 


5.



Merujuk gambar rajah di atas, jisim bongkah B ialah 45 kg. Berapakah jisim bongkah A?

- A. 50 kg B. 60 kg
C. 70 kg D. 75 kg

6.



Berpandukan maklumat yang diberikan di atas, apakah ketinggian botol air 1 500 ml?

- A. 15 cm B. 25 cm
C. 30 cm D. 40 cm

7.



5 kg minyak masak sama dengan 6.25 l.



Danish menggunakan 3 kg minyak masak. Berapakah isi padu, dalam l, minyak masak yang digunakan?

- A. 3.75 l B. 3.5 l
C. 2.75 l D. 2.5 l

8.




Apakah O dan j ?


- A. O ialah jejari dan j ialah diameter.
 B. O ialah pusat bulatan dan j ialah jejari.
 C. O ialah pusat bulatan dan j ialah diameter.
 D. O ialah diameter dan j ialah lilitan bulatan.

9. Antara yang berikut, yang manakah pentagon sekata?


A.




B.



C.



D.



10. Waktu Min Greenwich (GMT) dijadikan asas untuk menetapkan  zon masa dunia.


- A. 12 B. 20 C. 24 D. 30

11. Pilih maksud yang betul bagi diameter.

- A. Garis lurus yang menghubungkan pusat bulatan dengan lilitan bulatan.
 B. Lengkung tertutup yang merupakan sempadan suatu bentuk bulatan.
 C. Titik yang terletak di tengah-tengah bulatan.
 D. Garis lurus yang menghubungkan dua titik pada lilitan dan melalui pusat bulatan.

Soalan 12 dan 13 merujuk kepada satah Cartes di bawah.

Satah Cartes menunjukkan kedudukan tiga tempat.



12. Berapakah jarak mencancang, dalam km, Bukit Nibong dari kolam renang?

- A. 2 km B. 3 km C. 4 km D. 5 km

13. Nyatakan jarak mengufuk Bukit Nibong dari rumah.

- A. 1 km B. 2 km C. 3 km D. 4 km

14. **Bilangan haiwan yang dirawat di Klinik Haiwan Permai**

Hari	Isnin	Selasa	Rabu
Bilangan haiwan	6	12	3

Berdasarkan jadual di atas, nyatakan nisbah bilangan haiwan yang dirawat pada hari Isnin kepada jumlah haiwan yang dirawat bagi ketiga-tiga hari.

- A. 2 : 5 B. 1 : 3
 C. 2 : 7 D. 7 : 2

15.



Nyatakan nisbah jisim tepung kepada jisim gula.

- A. 3 : 2 B. 6 : 4
C. 2 : 3 D. 6 : 4 000

16. Jumlah jisim badan Selena dan Patricia ialah 85 kg. Nisbah jisim badan Selena kepada jisim badan Patricia ialah 2 : 3. Kira jisim badan Selena.

- A. 17 kg B. 21 kg
C. 34 kg D. 51 kg


17.



Jarak mengufuk rumah Alif dari sekolah ialah 6 km dan jarak mencancangnya pula 4 km. Yang manakah rumah Alif?

- A. Rumah A B. Rumah B
C. Rumah C D. Rumah D

18. Kuiz dalam Talian



Petunjuk:

	Kahoot
	Quizizz
	Google Form
	Wordwall

Carta pai menunjukkan jenis kuiz dalam talian yang digunakan oleh sekumpulan guru. Bilangan guru yang menggunakan Kahoot ialah 12 orang. Berapakah bilangan guru yang menggunakan Wordwall?

- A. 12 orang B. 24 orang
C. 36 orang D. 48 orang

19. Sebilu dadu dilambung sekali. Apakah kebolehjadian mendapat nombor lebih daripada 3?

- A. Sama kemungkinan
B. Pasti
C. Besar kemungkinan
D. Kecil kemungkinan

20. Pilih peristiwa yang kebolejadiannya pasti.

- A. James boleh mengangkat pemberat 700 kg.
B. Rizal boleh melompat sejauh 500 m dalam acara lompat jauh.
C. Kumari meraikan ulang tahun kelahirannya pada 29 Februari 2024.
D. Umur Syira 10 tahun dan dia murid Tahun 6.

21. Poligon sekata yang manakah boleh dihasilkan daripada enam segi tiga sama sisi yang dicantumkan?

- A. Pentagon B. Heksagon
C. Heptagon D. Oktagon

B. Selesaikan soalan yang berikut.

1. Puan Hamimah

Rofiq

Dina



Muar, Johor
Jam 1515



Kaherah,
Mesir
Jam 0915



Jakarta,
Indonesia

Gambar dan maklumat di atas menunjukkan tiga anggota keluarga yang tinggal di negara yang berbeza.

- Berapakah beza masa di antara Muar dengan Kaherah?
 - Waktu Jakarta lewat 1 jam dari waktu Muar. Nyatakan waktu Jakarta pada ketika itu.
2. Bandar A dan bandar B berada dalam zon masa yang berlainan. Waktu bandar A mendahului waktu bandar B selama 5 jam.
- Nyatakan waktu bandar B ketika waktu bandar A Jam 1235.
 - Menara jam di bandar B menunjukkan pukul 10:45 malam Jumaat, 12 Ogos 2022. Cari waktu tempatan di bandar A.
3. Satu pertandingan sukan dalam talian disertai oleh peserta dari beberapa negara. Pemain Malaysia diaduakan menentang pemain Amsterdam, Belanda dalam pusingan pertama pada 5 Mac 2022. Waktu Malaysia awal 7 jam berbanding dengan waktu Amsterdam. Permainan bermula pada pukul 8:10 malam di Kuala Lumpur.
- Apakah waktu di Amsterdam pada ketika itu?


- Seorang pemuda dari Riyadh, Arab Saudi menonton perlawanan itu. Masa Riyadh lewat 5 jam dari masa Malaysia. Nyatakan waktu di Riyadh.
- Hitung beza masa di antara Amsterdam dengan Riyadh.

4.



Gambar di atas menunjukkan panjang dan jisim sebatang kayu. Kayu itu dipotong kepada dua bahagian. Panjang satu bahagian kayu itu ialah 40 cm. Adakah jisim kayu berukuran 40 cm itu 1 000 g? Buktikan.

5.




Gambar menunjukkan dua balang air anggur berbentuk silinder yang sama saiz.

- Nyatakan nisbah tinggi aras isi padu air anggur di dalam balang A kepada tinggi aras isi padu air anggur di dalam balang B.
- Hitung isi padu air anggur di dalam balang A.
- Cari peratusan isi padu air anggur di dalam balang A.

6. Sebungkus gula perang berjisim 823 g apabila dicairkan akan menjadi 1 000 ml air gula perang.

- a Ibu mencairkan 411.5 g gula perang. Hitung isi padu air gula perang yang akan terhasil.
b Ibu memerlukan 2 500 ml air gula perang. Berapakah jisim gula perang, dalam g, yang diperlukan?

7. Sebuah poligon mempunyai 6 sisi sama panjang dan 6 sudut pedalaman yang sama besar. Lengkapkan gambar poligon sekata di bawah dan ukur sudut pedalamannya.



8. Dengan menggunakan protaktor, lukis sudut yang berikut dan namakan jenis sudutnya.


- a 20° b 145° c 90°

9. Lukis satu bulatan berpandukan maklumat yang diberikan. Labelkan semua ciri-ciri bagi bulatan.

- a Jejari 4 cm.
b Jejari 5.5 cm.

10. Sardi melukis tiga bulatan. Jejari bulatan A ialah 2 cm lebih daripada jejari bulatan B. Jejari bulatan C pula 1 cm lebih daripada jejari bulatan A. Bulatan yang manakah bersaiz paling besar?

11. Satuh Cartes menunjukkan kedudukan beberapa bangunan di sebuah bandar.



- a Berapakah jarak mencancang muzium dari gerai makan?
b Nyatakan jarak mengufuk taman tema dari muzium.
c Hitung jarak mengufuk dan jarak mencancang taman tema dari gerai makan.
d Bangunan apakah yang terletak 4 km mengufuk dan 3 km mencancang dari muzium?
e Namakan dua tempat yang mempunyai jarak mengufuk dan jarak mencancang yang sama dari terminal bas.
12. Nisbah bilangan buku yang dibaca oleh Shanti kepada bilangan buku yang dibaca oleh Chua dalam seminggu ialah 3 : 4. Jumlah bilangan buku yang dibaca oleh mereka ialah 21 buah buku. Hitung bilangan buku yang dibaca oleh:
- a Shanti. b Chua.

13.




Gambar menunjukkan harga dua jenis makanan. Nyatakan nisbah dalam bentuk termudah:

- harga mi goreng kepada harga nasi ayam.
- harga nasi ayam kepada harga mi goreng.
- harga mi goreng kepada jumlah harga mi goreng dan nasi ayam.
- harga nasi ayam kepada jumlah harga mi goreng dan nasi ayam.

14. Carta pai menunjukkan pulau-pulau di Malaysia yang ingin dikunjungi oleh 120 orang murid.

Pulau yang ingin Dikunjungi



- Nyatakan nilai-nilai sudut bagi Pulau Langkawi dan Pulau Tioman.
- Berapakah bilangan murid yang ingin ke Pulau Mabul?
- Kira beza antara bilangan murid yang ingin ke Pulau Tioman dengan Pulau Redang.

15.

Aktiviti Masa Lapang



Bilangan penduduk yang suka memancing ialah 32 orang.

- Berapakah bilangan penduduk yang suka berkebun, membaca dan bersukan?
- Nyatakan sudut yang mewakili aktiviti bersukan.
- Hitung beza antara bilangan penduduk yang suka memancing dengan bilangan penduduk yang suka membaca.

16.



Emilia ada 12 keping biskut coklat dan 3 keping biskut mentega di dalam bekas seperti gambar di sebelah.

- Apakah kebolehdadian Emilia memilih sekeping biskut mentega? Mengapa?
- Apakah kebolehdadian Emilia memilih sekeping biskut coklat? Berikan sebab.
- Apakah kebolehdadian Emilia memilih sekeping biskut kacang? Nyatakan alasan.

Anu	Nilai atau kuantiti yang tidak diketahui dan ditulis dalam bentuk simbol atau huruf.
Baki	Lebihan setelah dua nombor ditolak atau hasil bahagi yang mempunyai lebihan.
Barat	Salah satu daripada empat arah mata angin. Bertentangan dengan Timur. Menjadi tempat matahari terbenam.
Bentuk termudah	Bentuk terkecil di mana pengangka dan penyebut dalam nombor perdana kecuali 1.
Beza	Perbezaan kuantiti atau nilai antara dua kumpulan objek atau nilai. Beza diperoleh dengan menolak dua nombor.
Carta pai	Gambar rajah yang menunjukkan pembahagian atau pecahan data atau maklumat dalam bentuk bulatan. Setiap nilai diwakili oleh satu sektor bulatan.
Diskaun niaga	Diskaun yang diberikan kepada pemborong kerana membeli secara tunai dan besar-besaran.
Garis lurus	Satu garis yang tidak bengkok, tidak mempunyai lebar dan yang terhasil sama ada mengufuk, mencancang atau condong.
Garis serenjang	Garis lurus yang bertemu atau bersilang dengan satu garis lurus lain pada sudut tegak.
Heksagon sekata	Bentuk dua dimensi dengan 6 sisi lurus yang sama panjang dan tertutup.
Heptagon sekata	Bentuk dua dimensi dengan 7 sisi lurus yang sama panjang dan tertutup.
Insurans	Perjanjian perlindungan yang mempunyai syarat ganti rugi jika berlaku kecurian, kerosakan, kecederaan atau kematian.
Isi padu cecair	Jumlah cecair yang boleh memenuhi sesuatu bekas.
Jarak mencancang	Ukuran panjang di antara dua titik atau objek yang selari dengan paksi-y.
Jarak mengufuk	Ukuran panjang di antara dua titik atau objek yang selari dengan paksi-x.
Jisim	Kuantiti jirim bagi sesuatu objek yang tidak dipengaruhi daya tarikan graviti.
Kadaran	Pernyataan matematik yang menunjukkan hubungan antara dua kuantiti atau nilai dalam nisbah yang sama.
Kadar dividen	Peratus keuntungan yang diberikan ke atas wang yang dilaburkan untuk perniagaan atau saham.
Kadar faedah	Kadar keuntungan dalam peratus yang ditetapkan terhadap sesuatu simpanan atau pinjaman bagi tempoh tertentu.
Kebolehjadian	Kemungkinan sesuatu peristiwa berlaku ataupun tidak berlaku.
Koordinat	Pasangan nombor yang menentukan kedudukan sesuatu titik terhadap paksi-x dan paksi-y.
Kuantiti	Jumlah atau bilangan suatu benda.
Kumpulan	Kelompok atau set sesuatu benda.
Masa	Tempoh dan waktu lalu ke waktu sekarang hingga waktu depan yang dapat diukur dengan menggunakan jam atau alat pengira masa yang lain.
Meridian	Garisan khayalan yang dilukis di Bumi dari Kutub Selatan ke Kutub Utara. Garisan dari selatan ke utara ini disebut garisan longitud atau longitud sahaja.
Mod	Nilai yang mempunyai kekerapan tertinggi dalam suatu set data.
Nombor bulat	Nombor yang bermula dari sifar dan seterusnya, dan tidak mengandungi pecahan atau perpuluhan.
Nombor bercampur	Satu nombor yang diwakili oleh nombor bulat dan pecahan wajar.

Oktagon sekata	Bentuk dua dimensi dengan 8 sisi lurus yang sama panjang dan tertutup.
Operasi asas	Operasi matematik, iaitu tambah, tolak, darab dan bahagi.
Operasi bergabung	Gabungan dua atau lebih operasi matematik.
Panjang	Jarak atau ukuran di antara dua titik atau dari hujung ke hujung.
Pecahan	Bahagian daripada satu benda, sesuatu kumpulan atau nombor.
Pencarum	Orang yang membuat bayaran tetap kepada sesuatu kumpulan wang atau syarikat.
Pelaburan	Wang yang digunakan untuk perniagaan tertentu yang akan memberikan keuntungan pada masa hadapan.
Pelanggan	Orang (pembeli atau pengguna) yang menjalankan urusan dengan penjual atau pemberi perkhidmatan.
Pembahagi	Nombor yang membahagi nombor lain.
Pembekal	Orang yang menyediakan atau membekalkan barangan atau perkhidmatan.
Peniaga	Orang yang menyediakan barangan untuk dijual (penjual).
Pentagon sekata	Bentuk dua dimensi dengan 5 sisi lurus yang sama panjang dan tertutup.
Peratusan	Cara menyatakan nombor sebagai pecahan daripada 100 dengan simbol %.
Peristiwa	Suatu kejadian dan hal yang berlaku.
Perpuluhan	Perihal penomboran yang mewakili pecahan dengan penyebutnya 10, 100, 1 000 dan seterusnya.
Pinjaman	Wang pembiayaan untuk sesuatu tujuan yang diterima daripada institusi kewangan dan dikenakan faedah. Juga dikenali sebagai hutang.
Pola nombor	Corak tertentu dalam susunan nombor.
Poligon sekata	Bentuk dua dimensi dengan semua sisi lurus sama panjang dan tertutup.
Protraktor	Alat untuk mengukur sudut. Juga dikenali sebagai jangka sudut.
Segi empat sama	Segi empat yang mempunyai empat sisi, empat sudut tegak dan setiap sisinya sama panjang.
Segi tiga sama sisi	Segi tiga yang mempunyai tiga sisi yang sama panjang dan semua sudutnya sama besar.
Skala	Nisbah ukuran lukisan kepada ukuran objek sebenar.
Sudut pedalaman	Sudut yang terbentuk oleh rentasan lintang bagi dua garis, dan terletak di antara kedua-dua garis berkenaan.
Takaful	Konsep insurans Islam yang mematuhi etika dan ketelusan garis panduan Syariah yang melarang ketidakpastian (Gharar), perjudian (Maisir) dan faedah (Riba).
Tempat perpuluhan	Kedudukan suatu digit selepas titik perpuluhan.
Tertib menaik	Susunan nombor daripada nilai terkecil kepada nilai terbesar.
Tertib menurun	Susunan nombor daripada nilai terbesar kepada nilai terkecil.
Timur	Salah satu daripada empat arah mata angin. Bertentangan dengan Barat. Menjadi tempat matahari terbit.
Titik perpuluhan	Titik yang mengasingkan nombor bulat dengan pecahan perpuluhan.
Waktu tempatan	Masa sebenar bagi kawasan setempat.
Zon masa	Kawasan selebar 18 longitud yang di seluruh bahagiannya mempunyai waktu yang sama dan bermula dari meridian Greenwich.





UJI MINDA (P.H.M. 182)


1. a.



4. Bulatan mempunyai pusat bulatan, jejari, diameter dan lilitan bulatan



c. Saiz papan pelatuk kek mesti melebihi saiz kek. 20 cm panjang dan 20 cm lebar. Terima jawapan lain yang munasabah.



UNIT 7 KOORDINAT, NISBAH DAN KADARAN

CERDAS MINDA (P.H.M. 188)

7 cm

CERDAS MINDA (P.H.M. 198)

96

CERDAS MINDA (P.H.M. 195)

Bilangan kuang kepada jumlah bilangan kuang dan bilangan kurni-kurni.

CERDAS MINDA (P.H.M. 202)

3 : 4

UJI MINDA (P.H.M. 205)

- 4 km jarak mengufuk dan 3 km jarak mencancang
- 3 km jarak mengufuk dan 2 km jarak mencancang
- 1 km jarak mengufuk dan 5 km jarak mencancang
- 1 : 5 b. 1 : 6 c. 3 : 7 d. 8 : 1 e. 8 : 9
- 15 b. 17 cm c. 35 cm
- 5 km jarak mengufuk dan 2 km jarak mencancang
- 5 : 3 c. RM36 d. 40

UNIT 8: PENGURUSAN DATA DAN KELOHAKSIAN

CERDAS MINDA (P.H.M. 210)

88 orang

CERDAS MINDA (P.H.M. 218)

Sama kemungkinan

UJI MINDA (P.H.M. 223)

- Oktober ada 31 hari mungkin berlaku kerana ada 31 hari dalam bulan Oktober. Hanima Malaya pupus mungkin berlaku kerana berlaku pengurangan bilangannya dalam habitat. Matahari terbit di Selatan tidak mungkin berlaku kerana matahari terbit di Timur. Ayam jantan bertelur tidak mungkin berlaku kerana ayam betina yang bertelur. Jalan raya berlobang mungkin berlaku kerana cuaca dan kenderaan yang banyak menggunakannya setiap hari. Anak pokok membesar mungkin berlaku kerana anak pokok boleh hidup dan membesar apabila mendapat cahaya, air dan udara yang mencukupi. *terima jawapan dan sebab selain di atas yang munasabah.
- Pastikan kerana ikan paus ialah mamalia dan menyusui anak-anaknya.
 - Mustahil kerana heptagon ada 7 sisi.
 - Besar kemungkinan kerana cuaca mendung menandakan hujan akan turun.
 - Sama kemungkinan kerana hanya seorang daripada dua orang akan dipilih menjadi ketua kelas.
- Kecil kemungkinan kerana bilangan pen merah sedikit berbanding pensel.
 - 140 orang b. 20 orang c. 60 orang
 - 1 kecil kemungkinan d. besar kemungkinan e. Mengelurkan 6 butang

Masukkan 6 butang lensa lagi ke dalam bekas.

UJI DIRI (P.H.M. 225 - 230)

A. Pilih jawapan yang betul.

- | | | | | |
|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1. C | 2. A | 3. C | 4. D | 5. D |
| 6. C | 7. A | 8. B | 9. D | 10. C |
| 11. D | 12. B | 13. D | 14. C | 15. C |
| 16. C | 17. C | 18. D | 19. A | 20. C |

B. Selesaikan soalan yang berikut.

- 6 jam
 - 3 jam 145
- pukul 1:10 p.m.
 - pukul 3:10 p.m.
 - 2 jam
- $1\frac{1}{2} \times 1.5 \text{ kg} = \frac{3}{2} \times \frac{3}{2} \text{ kg} = \frac{9}{4} \text{ kg} = 2\frac{1}{4} \text{ kg} = 2\frac{1}{4} \times 1000 \text{ g} = 2500 \text{ g}$
- 1 : 2
 - 20 : 4
 - 50%
- 500 ml
- 2 057.5 g



10. bulatan C

- 3 km
- 3 km
- 3 km jarak mengufuk dan 3 km jarak mencancang
- pusat beli belah
- taman tema dan gerai makan
- 9 buah buku
- 12 buah buku
- 2 : 3
- 3 : 2
- 2 : 5
- 3 : 5
- Pulau Langkawi 180° Pulau Tioman 90°
- 15 orang
- 15 orang
- 15 orang
- 8 orang
- 90°
- 24 orang
- Bersukan = 16 orang
- Bersukan = 16 orang
- Kecil kemungkinan kerana bilangan biskut mentega sedikit.
- Besar kemungkinan kerana bilangan biskut coklat lebih banyak.
- Mustahil kerana tidak ada biskut kacang di dalam bekas.